



**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KEDAH**

**SYARIKAT PERHOTELAN DIDAPATI BERSALAH KERANA GAGAL  
MELAPORKAN KEMALANGAN KECEDEeraan BADAN YANG SERIUS KEPADA  
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP) KEDAH**

Alor Setar, 16 Julai – Sebuah syarikat perhotelan hari ini telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sesyen Alor Setar selepas mengaku bersalah atas kesalahan gagal melaporkan kemalangan dengan serta merta kepada JKPP Kedah dengan cara yang paling cepat yang ada bagi kemalangan yang menyebabkan kecederaan badan yang serius yang berlaku terhadap pekerjaanya. Hakim, Tuan Razali Bin Ariffin telah mengarahkan syarikat tersebut membayar denda sebanyak RM 3,000.00 atau penjara selama 3 bulan sekiranya gagal membayar denda.

Syarikat perhotelan ini telah dituduh melakukan kesalahan di bawah Peraturan 5(1)(b)(aa) dan (bb), Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004, Akta keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa yang dilantik dari JKPP Kedah, Basharuddin Bin Abd. Rahman. Siasatan terhadap kes pula telah dijalankan oleh pasukan penyiasat yang diketuai oleh Mohammad Afdzal Bin Abu Seman.

**###**

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kedah**

**16 Julai 2018**